

23/01/2003

Seri Paduka lancar Bulan Pesta Air Kebangsaan

IPOH: Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, dijangka melancarkan Bulan Pesta Air Peringkat Kebangsaan di Manjung pada 12 April ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata majlis yang diikuti sambutan Pesta Air di setiap negeri selama sebulan bermula 12 April hingga 11 Mei, dijangka dihadiri kira-kira 150,000 pengunjung di tapak perasmian Jambatan Tuanku Bainun seluas 12 hektar.

Berdasarkan Pesta Air lalu, pelancaran pada waktu malam itu dijangka turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selain Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

"Kawasan ini akan menjadi tapak kekal bagi acara pesta air di negeri ini dan tarikan terbaru di Manjung kerana kedudukannya berada di sebelah jambatan tercantik di negara ini.

"Kos menambak tanah dianggarkan RM500,000 dan kerajaan negeri membiayai RM200,000, manakala Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masing-masing menampung 20 peratus," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Exco, di sini semalam.

Katanya, gimik dan acara pelancaran pesta itu berbeza berbanding pelancaran pesta sebelum ini.